

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pendidikan Islam (1223/2) mengandungi lima soalan yang wajib dijawab kesemuanya. Masa yang diperuntukkan untuk calon menjawab adalah selama 1 jam 40 minit (100 minit).

PRESTASI KESELURUHAN.

Pada keseluruhannya, tahap pencapaian calon pada tahun ini adalah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Terdapat ramai calon yang berjaya mempersembahkan isi jawapan yang lengkap, mantap dengan huraian dan olahan yang baik. Namun begitu, sebahagian besar calon berada pada tahap sederhana walau pun mereka dapat menjawab sebahagian soalan dengan baik tetapi sebahagiannya lagi mereka memberi keterangan yang agak kabur dan kurang jelas serta tidak menepati kehendak dan kata tugas soalan. Faktor utama kegagalan kumpulan terendah ialah kegagalan calon menguasai 3M yang menyebabkan mereka tidak memahami kehendak soalan. Ini dapat dibuktikan kerana terdapat calon yang hanya menyalin soalan bahkan juga terdapat segelintir yang lain hanya menulis nombor soalan sahaja.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON:**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon dalam kumpulan ini dapat menjawab soalan dengan tepat, padat, jelas dan kemas sebagaimana kehendak soalan. Calon telah mengemukakan isi jawapan dengan huraian yang menarik dan tersusun. Calon juga dapat menulis jawi dengan baik dan ayat hafazan dengan betul dan tepat sebagaimana dalam al-Quran. Isi , fakta dan alternatif jawapan pula dikemukakan dengan tersusun dan melebihi kehendak soalan serta dijawab dengan teknik yang baik dan mengikut arahan soalan. Tulisan calon kemas dan mudah dibaca dan calon-calon dapat menguasai soalan pelbagai aras termasuk kefahaman dan aplikasi tinggi.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon-calon dalam kumpulan ini dapat menjawab sebahagian soalan dengan baik serta menguasai teknik menjawab. Namun, terdapat sebahagian soalan yang gagal dikuasai oleh mereka khususnya bahagian ayat kefahaman, hukum tajwid dan menjawikan perkataan. Sementara terdapat sesetengahnya yang tercicir menjawab soalan kerana tidak teliti. Terdapat juga jawapan calon yang mempersembahkan isi jawapan yang melerek sehingga memerlukan tafsiran pemeriksa dan sesetengah calon memberi alternatif jawapan yang banyak tetapi fakta berulang. Pada keseluruhannya calon dalam kumpulan ini berjaya menguasai dan memahami tajuk yang diuji tetapi huraian mereka leka semasa menjawab.

Calon Dalam Kumpulan Lemah

Keseluruhannya calon tidak dapat menjawab soalan dengan tepat sebagaimana kehendak soalan. Calon tidak menguasai pengetahuan dan kemahiran dengan baik termasuklah maksud @ pengertian, istilah, definisi dan faktor-faktor asas dalam bidang akidah dan ibadat. Calon juga gagal menghafaz ayat hafazan yang mengakibatkan mereka tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Calon juga tidak menguasai kemahiran tajwid dan kemahiran

jawi yang menyebabkan mereka keliru semasa menjawab. Sebahagian calon dalam kumpulan ini pula hanya menyalin soalan tanpa mengemukakan jawapan. Ini adalah kerana mereka tidak memahami dan menguasai isi pelajaran dalam kelas.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1(a)(i)

1 (a) Firman Allah SWT:

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَبْغَىٰ رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ ۚ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿١٦٤﴾ وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُم ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

(سورة الأنعام: 164-165)

Ayat di atas menjelaskan bahawa manusia bertanggungjawab terhadap segala perbuatannya dan Allah SWT melantik manusia sebagai pemimpin di bumi.

- (i) Senaraikan **empat** tugas manusia sebagai hamba Allah SWT di muka bumi. [4 markah]

Contoh jawapan yang baik

i- Tugas manusia di muka bumi.

Di dahului pendahuluan jawapan yang lengkap

- mengabdikan diri kepada Allah.
- Beribadat kepada Allah.
- memakmurkan dunia ini.
- menyebarkan ajaran Allah. $\frac{4}{4}$
- mengamalkan ajaran Islam

Calon berupaya mengemukakan isi jawapan berkaitan tugas manusia dengan olahan yang baik dan menepati kehendak soalan. Sebelumnya di dahului dengan pendahuluan jawapan. Isi jawapan yang dikemukakan oleh calon melebihi daripada yang dikehendaki oleh soalan serta disusun dengan kemas dan rapi serta mudah dibaca.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

- 4 tugas manusia
- al-Imarah
 - al-Ibadah
 - ~~al-Khilafah~~ al-Khilafah
 - bertanggungjawab menjaga ~~segala~~ harta benda khazanah bumi
 - beribadah kepadaNya
 - memimpin ~~beberapa~~ umat ke jalan yang lurus

Calon mempersembahkan jawapan dengan baik. Namun ada jawapan yang diberikan agak kesamaran yang memerlukan tafsiran pemeriksa dan sebahagian yang lain pula berulang fakta yang sama. Sebahagian yang lain pula terlalu ringkas sehingga menyukarkan untuk dikaitkan dengan kehendak soalan. Terdapat juga calon kumpulan ini memberi isi jawapan yang terhad.

Contoh Jawapan Yang Lemah.

- 9) i- Empat tugas manusia sebagai hamba Allah s.w.t di muka bumi ialah
- Manusia bertanggungjawab terhadap segala perbuatan
 - Manusia tidak boleh menanggung dosa orang lain

Calon dalam kumpulan ini biasanya mengemukakan isi jawapan yang menyeleweng dan tersasar daripada kehendak soalan. Mereka cuba untuk menjawab tetapi jawapannya langsung tidak menepati kehendak soalan. Umumnya calon-calon dalam kategori ini tidak memahami kehendak soalan.

Soalan 1(a)(ii)

- (ii) Nyatakan hikmah Allah SWT menjadikan manusia berbeza taraf dan kedudukan. [2 markah]

Contoh Jawapan Yang Baik.

Contoh 1:

- menguji kesabaran umatnya
- menjadikan setiap individu akan berusaha + bersungguh-sungguh² untuk memperbaiki taraf hidup dan kedudukannya.
- membuktikan bahawa Allah SWT bersifat adil kepada setiap hambanya.
- menguji tahap keimanan dan ketakwaannya.

Contoh 2:

- 6) hikmah manusia berbeza taraf
- supaya mewujudkan komuniti yang saling bergantung² antara satu sama lain
 - mewujudkan hubungan silaturrahim yang memenuhi keperluan sesama manusia
 - supaya yang kuat dapat membantu yang lemah

Sebahagian besar calon cemerlang dapat memberikan fakta lebih daripada yang dikehendaki oleh soalan. Calon ini juga menulis isi jawapan dengan olahan yang baik dan kemas. Pilihan jawapan yang dikemukakan membuktikan calon memahami istilah hikmah dalam tugas soalan dengan baik dan mantap.

Contoh Jawapan Yang Lemah

- (ii) Nyatakan hikmah Allah SWT menjadikan manusia berbeza taraf dan kedudukan.
Allah melantik manusia sebagai pemimpin di bumi.

Calon keliru dengan kehendak soalan. Kegagalan memahami soalan menyebabkan calon telah memberikan jawapan yang tidak menepati dengan kehendak soalan, bahkan merujuk kepada contoh di atas mereka langsung tidak memahami istilah hikmah dalam tugas soalan tersebut.

Soalan 1(a)(iii)

(iii) Ayat bergaris di atas bermaksud “setiap manusia tidak boleh menanggung dosa orang lain”.

Apakah yang anda faham tentang maksud ayat tersebut? [2 markah]

Contoh Jawapan yang baik

(iii) - Ayat itu bermaksud dosa yang dilakukan ~~sesorang itu~~ hanya ~~akan~~ ditanggung oleh pelakunya sahaja, bukan manusia di sekelilingnya.

Calon cemerlang tidak mempunyai masalah untuk memberikan jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki soalan malahan mereka berjaya mengemukakan isi jawapan dengan olahan ayat yang baik, kemas dan jelas serta mudah difahami.

Contoh jawapan yang lemah

(ii) Ayat bergaris di atas bermaksud "Setiap manusia tidak boleh menanggung dosa orang lain"
- menerangkan beberapa
- pesanan Rasulullah

Calon lemah biasanya cuba menulis jawapan tetapi apa yang ditulis langsung tidak menunjukkan kehendak sebenar soalan. Ini menunjukkan calon tidak memahami kehendak soalan bahkan sekali gus membuktikan mereka tidak menguasai isi pelajaran.

Soalan 1(b)(i)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ... (رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan tentang ciri makanan yang dianjurkan oleh Islam.

(i) Berdasarkan hadis di atas, nyatakan ciri makanan tersebut. [2 markah]

Contoh Jawapan Yang Baik.

Contoh 1:

b) (i) Ciri makanan yang dianjurkan oleh Islam ialah-
- halal
- Daripada sumber yang halal
- diperbuat daripada barang yang halal.
- menjaga kewajaran akal
- berkhasiat.
- mencegah penyakit.
- makanan yang tidak haram
- menyihatkan tubuh badan.

Contoh 2:

- ciri-ciri makanan yang dianjurkan oleh Islam.
- Halal dimakan
- Tidak mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan tubuh badan jika memakannya.

Merujuk contoh jawapan di atas, menunjukkan calon kumpulan ini memahami kehendak soalan dan menguasai isi pelajaran. Persembahan jawapan didahului dengan pendahuluan jawapan dan diikuti dengan alternatif jawapan melebihi daripada kehendak soalan. Lanya ditulis dengan kemas dan disusun dengan teratur.

Contoh Jawapan Yang Lemah

Contoh 1:

b) i) Berdasarkan hadis di atas nyatakan ciri makanan tersebut.
- kehidupan di dunia
- Rasulullah

Contoh 2:

b) Ciri makanan tersebut ialah makanan yang halal. Dimakan pada waktu darurat kerana tiada makanan lain.

Calon kumpulan ini pula, biasanya mengemukakan jawapan yang berlawanan dengan kehendak soalan. Umumnya calon menjawab soalan mengikut kefahaman mereka sendiri. Ini membuktikan calon tidak menguasai isi pelajaran terutamanya maksud tugas "ciri" yang dikehendaki dalam soalan .

Soalan 1(b)(ii)

- (ii) Jelaskan **dua** syarat yang mengharuskan seseorang memakan makanan yang haram ketika darurat. [4 markah]

Contoh Jawapan Yang Baik.

ii) Syarat mengharuskan seseorang memakan makanan yang haram ketika darurat

- Tiada lagi makanan halal di dalam negeri tersebut.
- Nyawa akan terancam jika tidak mendapat bekalan makanan pada masa itu.

Calon mengemukakan jawapan dengan tepat dan kemas. Calon berjaya mengemukakan jawapan yang dikehendaki oleh soalan. Calon memberikan alternatif jawapan yang lebih . Calon ini juga menguasai isi pelajaran dengan memahami istilah syarak mengenai " syarat" dengan baik.

Contoh Jawapan Yang Sederhana.

ii) Dua syarat yang mengharuskan seseorang itu memakan makanan yang haram ketika darurat ialah ma memakan makanan 2 itu untuk ~~usia~~ (memanjangkan umur daripada mati kelaparan). Bermaniat kerana Allah swt.

Calon dapat memahami kehendak soalan tetapi isi jawapan yang diberikan terlalu ringkas. Sebahagian calon kumpulan ini juga memberi huraian yang kabur yang memerlukan tafsiran pemeriksa . Situasi ini menggambarkan bahawa calon kurang menguasai istilah-istilah syarak yang menyebabkan kekeliruan mengenai "syarat" dan " hikmat" .

Contoh Jawapan Yang Lemah

Contoh 1:

(i) - Etika darurat darurat umat Islam boleh makan seperti Babi, budaya dan lain lagi.
- ~~makan~~ mengikut mengikut syarat diharuskan umat Islam. makan - apa - apa.

Contoh 2:

(ii) = Dada syarat menghamaskan seseorang memakan makanan yang haram ketika darurat ialah:
1) makanan itu haruslah dibersihkan terdahulu.
2) Bermiat untuk memakan makanan tersebut.

Calon daripada kumpulan ini lemah dan keliru dalam memahami kehendak soalan. Kebanyakannya memberikan jawapan berkaitan makanan yang boleh dimakan semasa darurat sedangkan soalan yang dikehendaki berkaitan syarat. Oleh itu, jawapan calon menyeleweng. Ini berpunca daripada kegagalan calon menguasai istilah-istilah syarak seperti "syarat", "hikmat" dan "cara".

Soalan 1(b)(iii)

(iii) Terangkan hubungan antara makanan dengan ibadah. [2 markah]

Contoh Jawapan Yang Baik

(iii) Hubungan antara makanan dengan ibadah ialah:-
- Apabila kita memakan makanan yang halal, ibadah kita diterima oleh Allah.
- Apabila kita memakan makanan yang ^{halal} haram, kita akan dimakbulkan.
- Apabila kita memakan makanan yang ^{halal} haram, mudah menerima pelajaran.
- Kerana apabila memakan makanan yang haram,

Calon cemerlang menjawab dengan tepat dengan alternatif jawapan yang lebih daripada yang diminta oleh soalan. Situasi ini menunjukkan calon memahami kehendak soalan dengan baik. Persembahkan jawapan juga kemas dengan huraian yang mantap dan tersusun. Ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran secara menyeluruh.

Contoh Jawapan Yang Lemah

Contoh 1:

iii) Makanan boleh dimakan pada bila-bila masa + sahaja dgn ibadah
pula ditaklukan mengikut waktu.

Contoh 2:

iii) -makanan dan ibadah yang benar
- makanan yang boleh dimakan
- ibadah menjerus haji di waktu umrah.

Calon dalam kumpulan ini mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada tugas soalan. Ini menunjukkan calon tidak memahami kehendak soalan bahkan tidak menguasai isi pelajaran.

Soalan 1(c)

(c)

شَرِيكَ	صَلَاتِي	وَمَمَاتِي	أَوَّلُ
---------	----------	------------	---------

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul.

قُلْ إِنَّ	(i)	وَنُفْسِي وَمَحْيَايَ	(ii)	لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
لَا	(iii)	لَهُ ^ط وَيَذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا	(iv)	الْمُسْلِمِينَ

(سورة الأنعام: 162-163)

[4 markah]

Contoh Jawapan Yang Baik

c (i)	صَلَاتِي ✓
(ii)	وَمَمَاتِي ✓
(iii)	شَرِيكَ ✓
(iv)	أَوَّلُ ✓

Calon dapat menyusun ayat hafazan dengan betul. Jawapan mereka menepati kehendak soalan bahkan ditulis dengan cantik, kemas dan tersusun. Calon ini dapat menguasai kemahiran menghafaz ayat hafazan dengan baik.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

(i)	صَلَاتِي ✓
(ii)	وَمَمَاتِي ✓
(iii)	أَوَّلُ ✗
(iv)	شَرِيكَ ✗

Calon sederhana tidak dapat melengkapkan potongan ayat dengan baik. Ini kerana calon tidak menghafaz dengan baik yang menyebabkan calon keliru semasa menjawab. Ini menyebabkan calon gagal menjawab dengan betul dan tepat.

Contoh Jawapan Yang Lemah

c (i)	أَوَّلُ ✗
(ii)	صَلَاتِي ✗
(iii)	وَمَمَاتِي ✗
(iv)	شَرِيكَ ✗

Sebahagian besar calon lemah gagal menjawab soalan dengan betul. Ini adalah kerana calon tidak menguasai kemahiran menghafaz ayat hafazan tersebut. Persembahan jawapan oleh calon di atas menunjukkan calon hanya menjawab ikut gerak hati atau tekaan semata-mata.

Soalan 2(a)(i)

2 (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ
بِهِمْ أَنْ تَنْبَسِلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ
وَإِنْ تَعَدِلَ كُلُّ عَدَلٍ لَأَيُّوْخَذَ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا
لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(سورة الأنعام: 70)

Ayat di atas menjelaskan larangan Allah SWT mengenai perbuatan mempermainkan agama.

(i) Senaraikan **empat** perbuatan mempermainkan agama. [4 markah]

Contoh Jawapan Yang Baik

2(a) (i) Empat perbuatan mempermainkan agama ialah	
- mempercayai tuhan ada 1, 2 dan 3.	
- mempercayai ada kuasa lain yang kuat selain Allah.	
- menilik menilik nasib.	
- melakukan sihir.	
- berniat ingin keluar dari Islam.	
- mengistiharkan ingin keluar dari Islam.	
- mengamalkan amalan khurafat.	
- menyekutukan Allah dengan sifat, perbuatan dan sebagainya.	
- mempercayai ajaran sesat.	
- melakukan dosa besar atau dosa kecil berterusan.	
- Berputus-putus melahirkan keimanan. Tidak dapat hati tetap berfik kepada Allah.	

Calon dapat menjawab dengan baik dan menepati kehendak soalan . Isi jawapan dan fakta yang dikemukakan melebihi daripada kehendak soalan . Ini membuktikan calon memahami kehendak soalan . Jawapan ini juga membuktikan calon menguasai tajuk dan isi pelajaran dengan baik .

Contoh Jawapan Yang Sederhana

9) Empat perbuatan mempermainkan agama ialah-	
Menganggap agama itu cuma endakan.	
- Tidak menjalankan agama dengan baik.	
- Menyuarikan ibadah dengan main-main	✓
- menjalankan tanggungjawab dengan main-main.	✓

Calon sederhana umumnya memahami kehendak soalan tetapi hanya memberi jawapan yang terhad iaitu empat jawapan sepertimana yang diminta oleh soalan tanpa mengira kemungkinan jawapan berulang fakta atau menyimpang. Sebahagian yang lain memberi jawapan yang umum tidak menjurus kepada perbuatan memepersendakan agama . Ini menunjukkan calon tidak berusaha bersungguh-sungguh akibat kurang menguasai isi pelajaran mengenai larangan memersendakan agama (al-An'am 50).

Contoh Jawapan Yang Lemah

2a) - menggunakan agar sesat terhadap mempermainkan agama.	
- menyebabkan memubah ayat dalam Al-Quran	PH
- Suban mem tulis ayat-ayat Al-Quran di dalam tinas	PH
- menyeturman Allah sw-T.	PH

Calon lemah umumnya mengemukakan jawapan secara rambang kerana kurang memahami kehendak soalan dan terdapat pengulangan fakta dalam jawapan calon. Sebahagian calon tersasar daripada kehendak soalan sebenar. Ini membuktikan calon tidak menguasai tajuk berkenaan (Tilawah Kefahaman al-An'am ayat 50) dengan baik.